

PAS Terengganu Mungkin Letak Calon Wanita Pada Pilihan Raya Umum Ke-13
Bernama
6 September, 2012

KUALA TERENGGANU, 6 Sept (Bernama) -- PAS Terengganu mungkin meletakkan calon wanita pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13), setelah tidak menurunkan calon wanita sejak 1959.

Pesuruhjaya PAS negeri Abdul Wahid Endut berkata PAS mahu meletakkan calon wanita pada pilihan raya kali ini bagi memastikan kumpulan itu turut diwakili di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kita sedang beri perhatian khusus. Dewan Muslimat PAS Pusat juga telah meminta ada calon wanita di negeri ini. Sama ada Parlimen atau DUN kita tengok dulu," katanya kepada pemberita pada Rumah Terbuka Aidilfitri PAS Terengganu di sini, hari Khamis.

Kali terakhir PAS Terengganu menurunkan calon wanita ialah pada pilihan raya Parlimen 1959 dengan meletakkan Khadijah Mohd Sidek bagi merebut kerusi Parlimen Dungun.

Khadijah mengalahkan Wan Salleh Abdul Kadir mewakili Front Sosialis dan Mohamed Adib Omar daripada Parti Perikatan, dan merupakan Anggota Parlimen wanita pertama PAS, dan wakil rakyat wanita pertama bagi Terengganu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692650>